



SAYEMBARA DEKLAMASI PUISI KEMERDEKAAN KE-38, TAHUN 2024 PERINGKAT NEGERI, PDRM & ATM

SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
- Tiada yuran penyertaan dikenakan.
- Penyertaan Peringkat Negeri dianjurkan oleh badan gabungan GAPENA manakala bagi peringkat PDRM dan ATM sila hubungi Rumah GAPENA, telefon: 011-6264 2412 atau melalui e-mel: gapena2u@gmail.com
- Puisi Pilihan - Para peserta dikehendaki mendeklamasikan salah satu (1) puisi yang terdapat dalam **Antologi Puisi Kemerdekaan Ke Sarang Cenderawasih**, terbitan **GAPENA 2023**.
- Peserta dilarang membawa alat-alat muzik semasa mendeklamasikan puisi di semua peringkat SDPK.
- Peserta dikehendaki menyediakan video latar yang bersesuaian tanpa audio/suara semasa di Peringkat Kebangsaan.
- Peserta hanya dibenarkan menyertai sayembara **SEKALI** sahaja sama ada di peringkat negeri, ATM/PDRM pada tahun pertandingan.
- Johan SDPK Peringkat Negeri, ATM dan PDRM tahun 2023 hanya dibenarkan bertanding di negeri, ATM/PDRM yang dimenangkannya itu.
- Johan SDPK Negeri/ATM/PDRM, tiga (3) tahun berturut-turut (2021,2022, 2023) direhatkan daripada menyertai SDPK Ke-38, 2024.
- Jawatankuasa Teknikal Pertandingan dan juri di setiap peringkat negeri, ATM dan PDRM dan Kebangsaan tidak dibenarkan menyertai sayembara ini.
- Jawatankuasa SDPK berhak membatalkan kemenangan peserta yang melanggar syarat dan peraturan yang disenaraikan di atas. Sebarang surat-menyurat bantahan tidak akan dilayan.

PENGHAKIMAN

- Format penghakiman berdasarkan format yang dikeluarkan oleh GAPENA.

CARA PENYERTAAN

- Seorang pemenang akan bertanding mewakili negeri, ATM dan PDRM dalam SDPK Ke-38, 2024. Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada **24 Ogos 2024**.

HADIAH SDPK KE-38, 2024, PERINGKAT KEBANGSAAN

- Johan sayembara menerima Piala Pusingan SDPK, piala iringan, wang tunai RM5,000.00, hadiah iringan dan sijil penyertaan.
- Naib Johan menerima wang tunai RM3,000.00, piala iringan, hadiah iringan dan sijil penyertaan.
- Tempat Ketiga menerima wang tunai RM2,000.00, piala iringan, hadiah iringan dan sijil penyertaan.
- Tempat Keempat, Kelima, Keenam menerima hadiah penghargaan wang tunai RM500.00, hadiah iringan dan sijil penyertaan.
- Peserta yang mendapat tempat ke-7 hingga ke-17 di Peringkat SDPK Kebangsaan akan menerima sagu hati wang tunai RM300.00 dan hadiah iringan serta sijil.